



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)  
PENGUMUMAN RASMI  
KRISIS COVID-19:**

**TAWARAN MENDUDUKI RESIDEN PELAJAR BAGI KAMPUS PEKAN**

Assalamualaikum. wbh.wbt. dan Selamat Sejahtera

Saudara/saudari Pelajar yang dihormati

Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pengurusan Pelajar bertarikh 24 Ogos 2020, telah memutuskan bahawa;

- a) Tarikh kemasukan pelajar baharu program Ijazah Sarjana Muda Sesi Akademik 2020/2021 adalah secara berperingkat pada 12,13 & 14 Oktober 2020 melibatkan seramai 2,700 pelajar (Gambang 1,710, Pekan 990);
- b) Kesemua pelajar Fakulti Komputeran diberikan penempatan asrama di Kampus Pekan selaras dengan penstrukturan akademik program dan perpindahan Fakulti Komputeran ke Kampus Pekan pada Oktober 2020 melibatkan seramai 1,398 orang.
- c) Pelajar laluan khas diberikan penempatan asrama sepertimana yang telah dinyatakan dalam pemakluman daripada Bahagian Residen Pelajar bertarikh 25 Ogos 2020.

Oleh yang demikian, hal ini mengakibatkan kapasiti asrama sedia ada tidak dapat menampung bilangan pelajar-pelajar kanan termasuk yang memiliki merit tertinggi khususnya bagi pelajar Kampus Pekan. Untuk makluman semua pelajar, situasi ini hanyalah bersifat sementara bagi semester ini sahaja.

Adalah diharapkan semua pelajar memahami kesulitan yang dihadapi dan pihak universiti akan berusaha sebaik mungkin bagi membantu pelajar yang menghadapi masalah penempatan asrama. Mana-mana pelajar yang memerlukan bantuan boleh hubungi bilik gerakan di talian 09-549 3333 atau 09-424 6999.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

*"Memasyarakatkan Teknologi"*

Saya yang menjalankan amanah.



**PROFESOR. DATO. Ts. DR YUSERRIE BIN ZAINUDDIN**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
Tarikh : 27 Ogos 2020

s.k Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan Ketua  
Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan Semua Staf Akademik  
dan Pentadbiran

#StaySafe  
#StayStrong  
#StayAtHome  
#AmalkanPenjarakanSosial  
#KitaJagaKita